

INISIATIF PERLAKSANAAN WAKAF AIR DI MALAYSIA: PEMBANGUNAN DAN PERLAKSANAAN DARI TAHUN 2020-2022

WATER WAQF IMPLEMENTATION INITIATIVES IN MALAYSIA: DEVELOPMENT AND IMPLEMENTATION FROM 2020-2022

Aemy bin Aziz¹
Syaimak Binti Ismail²
Muhammad Anas Bin Ibrahim³
Muhammad Saiful Islam Bin Ismail⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Samarahan. (Email: aemy@uitm.edu.my.)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Segamat. (Email: syaimak@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Dungun. (Email: anasibrahim@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Merbok. (Email: saifulislam@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 21-4-2022

Revised date : 22-4-2022

Accepted date : 10-6-2022

Published date : 15-6-2022

To cite this document:

Aziz, A., Ismail, S., Ibrahim, M. A., & Ismail, M. S. (2022). Inisiatif Perlaksanaan Wakaf Air Di Malaysia: Pembangunan Dan Perlaksanaan Dari Tahun 2020-2022. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 81 - 90.

Abstrak: *Wakaf merupakan satu akad ekonomi Islam yang di jana bagi memberi faedah dan kebaikan kepada seluruh masyarakat sama ada masyarakat Islam khususnya atau bukan Islam sebagai salah satu medium dakwah dan penghasilan asset kekal. Melalui akad wakaf pemberi barangan wakaf boleh menjana pahala secara berterusan melalui pemberian harta wakaf yang bermanfaat untuk digunakan oleh masyarakat secara berterusan. Disamping itu melalui instrument wakaf ini, masyarakat Islam boleh bersama-sama menjana program bantuan atau pemberian manfaat secara berterusan kepada golongan yang memerlukan melalui pembinaan projek wakaf secara kekal seperti pembinaan bangunan atau pembinaan projek kebajikan. Manfaat daripada program ini mampu memenuhi keperluan asas yang di perlukan oleh masyarakat Islam seperti tempat pengajian, masjid, kediaman berteduh atau pun seperti program wakaf telaga yang mampu memberi manfaat kegunaan air kepada golongan memerlukan. Oleh itu kajian ini akan membincangkan mengenai inisiatif perlaksanaan wakaf air di malaysia: pembangunan dan perlaksanaan dari 2020-2022, bagi menilai keberkesanan dan manfaat bagi penggunaan air di kalangan masyarakat Malaysia yang terputus bekalan air atau yang memerlukan kemudahan air. Kajian ini akan melihat konsep wakaf air yang di jalankan di beberapa Kawasan sebagai rujukan dan melihat potensi perlaksanaan wakaf telaga melalui dana-dana yang terkumpul oleh badan-badan berautoriti, badan kerajaan atau badan-badan swasta.*

Kata Kunci: *Perlaksanaan, Wakaf Air, Pembangunan Dan Perlaksanaan*

Abstract: *Waqf is an Islamic economic contract that is generated to provide benefits and advantages to the whole community whether the Muslim community in particular or non - Muslims as one of the mediums of da'wah and the production of permanent assets. Through the wakaf contract, the giver of wakaf items can generate rewards continuously through the provision of wakaf property that is beneficial to be used by the community on an ongoing basis. In addition, through this wakaf instrument, the Muslim community can jointly generate assistance programs or benefits on an ongoing basis to those who need the construction of permanent wakaf projects such as building construction or construction of welfare projects. The benefits of this program are able to meet the basic needs of the Muslim community such as schools, mosques, sheltered homes or even such as the well endowment program that is able to provide benefits of water use to those in need. Therefore, this study will discuss the initiatives for the implementation of water endowment in malaysia: development and implementation from 2020-2022, to assess the effectiveness and benefits of water use among Malaysians who meet water supply or who need air facilities. This study will look at the concept of water endowment carried out in several areas as a reference and look at the potential implementation of well endowment through funds collected by authoritative bodies, government bodies or private bodies.*

Keywords: *Implementation, Water Endowment, Development And Implementation*

Pengenalan

Perlaksanaan wakaf air ini sebenarnya telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW lagi dimana pada ketika itu penduduk Madinah pernah berdepan krisis air kerana sumber air, iaitu sebuah telaga di Madinah ketika itu dikuasai seorang Yahudi. Pada ketika itu lelaki yahudi berkenaan telah mengenakan caj tinggi ke atas penggunaan air telaga yang menyebabkan kesukaran kepada masyarakat Islam. Maka selepas peristiwa itu sahabat baginda saidina Uthman Affan RA telah mengambik keputusan membeli telaga itu, lalu mewakafkannya untuk manfaat semua penduduk Madinah. (Amir Shahrudin, 2020).

Peristiwa ini telah diriwayatkan pada zaman Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam, di mana pada ketika itu kota Madinah pernah mengalami kelaparan dan juga sukar untuk mendapatkan air bersih. Mereka (kaum muhajirin) sudah terbiasa minum dari air dari telaga zam-zam di Makah. Hal ini kerana satu-satunya sumber air yang tinggal adalah sebuah perigi milik seorang Yahudi yang di kenali sebagai perigi Raumah. Kesannya kaum muslimin dan penduduk Madinah terpaksa beratur dan membeli air bersih dari Yahudi tersebut.

Di atas keprihatinan keadaan umatnya, baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam kemudian bersabda:

" Wahai Sahabatku, siapa saja diantara kalian yang menyumbangkan hartanya untuk dapat membebaskan perigi itu, lalu menyumbangkannya untuk umat, maka akan mendapat surgaNya Allah Ta'ala"

(HR. Muslim)

Mendengar khabar berita tersebut, maka Uthman bin Affan Radhiyallahu 'anhu segera bertindak untuk membebaskan perigi Raumah itu. Uthman segera berjumpa dan berbincang dengan Yahudi pemilik perigi tersebut dan menawar untuk membeli perigi Raumah dengan harga yang tinggi. Walaupun sudah diberi tawaran yang tinggi, Yahudi pemilik perigi tersebut

tetap menolak dan enggan menjualnya kepada Uthman, kerana beliau beranggapan akan kehilangan pendapatan yang boleh di peroleh setiap hari apabila perigi di serahkan kepada saidina Uthman.

Namun begitu saidina Uthman tidak berputus ada dan melakukan perjanjian bersama yahudi tersebut iaitu saidina Uthman ingin membuat pengaliran terhadap pemilikan perigi tersebut dimana satu hari perigi ini milikku, esoknya kembali menjadi milik yahudi tersebut kemudian lusanya menjadi milik saidina Uthman lagi demikian selanjutnya berganti satu ke satu hari yang lain. Akhirnya yahudi tersebut bersetuju untuk menjual perigi tersebut kepada saidina Uthman kerana beliau akan memiliki wang dan dalam masa yang sama tidak kehilangan perigi tersebut. (Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman, 2006).

Kemudian saidina Uthman pun segera mengumumkan kepada penduduk Madinah yang mahu mengambil air di perigi Raumah, sila mengambil air untuk keperluan mereka secara percuma kerana hari ini perigi Raumah adalah miliknya. Dia juga mengingatkan agar penduduk Madinah mengambil air dalam jumlah yang cukup untuk 2 hari kerana pada keesokan harinya perigi itu bukan lagi milik Uthman.

Keesokan hari Yahudi mendapati perigi miliknya sepi tanpa pembeli kerana penduduk Madinah masih mempunyai persediaan air di rumah. Yahudi itupun mendatangi Uthman dan berkata "*Wahai Uthman belilah setengah lagi perigi ini dengan harga sama seperti engkau membeli setengahnya semalam*". Uthman setuju, lalu Uthman membelinya dengan harga 20000 dirham, maka perigi Raumah pun menjadi milik Uthman secara sepenuhnya. Kemudian Uthman bin Affan Radhiyallahu 'anhu mewakafkan perigi Raumah dan sejak itu perigi Raumah dapat dimanfaatkan oleh sesiapa saja, termasuk Yahudi pemilik lamanya. (Siti Mashitoh Mahamod, 2007)

Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan sesuatu kajian berbentuk ilmiah. Selain itu juga dengan adanya objektif kajian, analisis dan dapatan kajian tidak akan menyimpng dari matlamat utama di dalam sesuatu kajian. Oleh itu dalam kajian ini objektif utama adalah untuk "menganalisis inisiatif perlaksanaan dan pembangunan program wakaf air di Malaysia dari tahun 2020-2022".

Penyata Masalah

Program wakaf telaga air di Malaysia dilihat semakin berkembang dan mendapat sambutan yang memberangsangkan dari pihak kementerian kerajaan dan bukan kerajaan. Pembangunan keatas projek-projek wakaf telaga air juga dilihat semakin menjadi tumpuan sama ada di kawasan perkampungan, kawasan luar bandar mahupun untuk kegunaan institusi masjid. Oleh itu persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah bagaimanakah kaedah dan inisiatif yang diambil oleh pihak-pihak yang terlibat bagi membangunkan dan memperkasakan program wakaf telaga air di Malaysia dari tahun 2020 sehingga tahun 2022.

Metodologi Kajian

Dalam mencapai objektif kajian ini beberapa kaedah atau metod kajian telah dikenal pasti agar boleh digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data yang ditemui. Melalui Data yang diperolehi telah dikumpul dan dianalisis hasil kajian yang diperolehi mampu mencapai matlamat kajian yang dikehendaki dan berautoriti. Oleh itu kajian ini menggunakan metod kajian secara kualitatif sepenuhnya iaitu melalui dapatan kajian dari pemerhatian dan kajian

perpustakaan. Penyelidikan kualitatif bertujuan memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian iaitu perkembangan program wakaf telaga air di Malaysia. Selanjutnya, menurut Merriam (1998) dan Patton (2002) penggunaan kaedah kualitatif dalam sesuatu penyelidikan bertujuan memahami secara jelas proses dan pengurusan manusia dalam sesuatu konteks. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka penulisan, kajian ilmiah, carian laman web rasmi dan pembacaan artikel berkaitan konsep wakaf telaga air di Malaysia secara umum, dan bentuk agihan dana wakaf telaga air di Malaysia, dan kerangka asas pelaksanaan dan plan bagi program wakaf telaga air di Malaysia.

Kajian Lepas

Norul Huda Bakar dan Noor Syahida Abd. Rahman (2021) dalam kajian mereka telah menceritakan masalah berkaitan air yang berlaku di Malaysia seperti pencemaran air, permintaan penggunaan air yang tinggi dan penerokaan yang terbatas dalam sumber air. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa sumber air bawah tanah atau telaga boleh dijadikan sebagai sumber air alternatif di Malaysia. Hanya lima peratus sahaja sumber air bawah tanah ini diterokai. Banyak lagi ruang dan peluang untuk mengembangkan usaha menjadikan telaga sebagai sumber air alternatif. Ditambah dengan dasar kerajaan yang mewujudkan wakaf air memberi petunjuk bahawa wakaf telaga ini relevan untuk dibangunkan. Tetapi di dalam kajian ini tidak membahaskan tentang pelaksanaan program wakaf telaga air di Malaysia.

Rasyidah Md. Khalid, etc. (2021) dalam kertas kajian mereka yang bertajuk Waqaf Air dan Isu Perundangan di Malaysia, telah membincangkan aspek enakmen perundangan bagi amalan wakaf bagi negeri-negeri yang terpilih. Dalam kajian ini penulis telah membahaskan konsep dan rukun berkaitan wakaf dan pengaplikasiannya dalam konteks waqaf air, serta perkembangan perundangan berkaitan waqaf air di Malaysia. Kajian ini juga turut membincangkan bidang kuasa pentadbiran sektor air terbahagi di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Malaysia dan mencadangkan enakmen negeri berkaitan air dan wakaf perlu diperhalusi agar tiada pertikaian dalam pelaksanaan wakaf air di masa hadapan. Namun begitu di dalam kajian ini tidak membahaskan tentang pelaksanaan wakaf telaga air di Malaysia.

Muhammad Sofiyuddin Zakaria dan Mohd Zamro Muda (2017) melalui kajian mereka, Sorotan Literatur Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia telah mengfokuskan kajian ini melalui pemerhatian sumbangan sektor wakaf tunai dalam pemerksaan ekonomi Muslim, di samping menganalisis potensi dan halatujunya dalam perkembangan ekonomi umat Islam di Malaysia. Kajian sorotan literatur ini dilakukan untuk mengenal pasti dan meneliti tahap pelaksanaan wakaf tunai di bawah pengurusan badan berautoriti di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Fakta dan hujah yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder diteliti, dinilai serta dianalisis secara deskriptif. Hasil tinjauan literatur mendapati tahap pemahaman umat Islam berkaitan wakaf tunai masih rendah. Namun begitu, setelah YWM ditubuhkan, disamping skim-skim baru yang diperkenalkan oleh badan-badan yang menguruskan wakaf, sambutan wakaf tunai semakin meningkat meskipun belum mencapai tahap yang disasarkan. Namun begitu di dalam kajian ini tidak menyentuh tentang pelaksanaan wakaf telaga air di Malaysia.

Ainul Kauthar Binti Karim, ect. (2014) dalam kajian mereka yang bertajuk konsep wakaf kesihatan dan perkembangannya di Malaysia menyatakan bahawa wakaf merupakan salah satu bentuk ibadah kepada Allah dan mempunyai peranan penting dalam menyelesaikan masalah umat Islam hari ini seperti pembasmian kemiskinan, kesihatan, pendidikan, pusat rumah anak

yatim, masjid dan kediaman bagi masyarakat yang memerlukan. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya memberikan fokus kepada peranan wakaf berkaitan isu kesihatan yang timbul kesan daripada kos perubatan yang tinggi yang menyebabkan ramai orang Islam tidak mampu untuk mendapatkan rawatan yang terbaik.

Latar Belakang Program Wakaf Telaga Air Di Malaysia

Model Wakaf Air ialah berkonsepkan pembiayaan pendanaan awam bagi mewujudkan akses bekalan air kepada masyarakat luar bandar. Ciri utama Wakaf Air ialah menerima sumbangan dalam bentuk tunai daripada individu atau syarikat dengan niat untuk mewakafkan air, mengurus sumbangan dana berdasarkan ruang lingkup yang ditetapkan dan pembiayaan pelaksanaan infrastruktur bekalan air berskala kecil tidak lebih RM50,000 seperti penggalian perigi, pembelian peralatan pam, penyediaan mini empangan dan tangki-tangki simpanan bagi memastikan penduduk mendapat bekalan air walaupun musim kemarau. (BH Online, 2020).

Perlaksanaan program wakaf telaga telah lama dilaksanakan dan mendapat sambutan yang menggalakan dari masyarakat Malaysia bagi membantu tempat-tempat atau perkampungan yang memerlukan bekalan air bersih. Ini di buktikan melalui program pembinaan wakaf telaga yang dijalankan oleh sekumpulan pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Reka (FSR) dan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dan Puncak Alam, yang membantu golongan miskin di Kemboja menerusi Projek Travelog AD: Cambodia 'Dekat Di Hati' bagi memberi bantuan air bersih kepada penduduk di Kawasan perkampungan tersebut. (BH Online, 2019) Program ini di jalakan oleh warga UiTM bagi membantu 50 peratus penduduk di sekitar Kampung Cham, Phnom Penh melalui pembinaan 17 buah telaga melalui dana wakaf yang dikumpulkan dari agensi kerajaan, agensi swasta dan badan-badan NGO yang telah memberi sumbangan dana wakaf bagi menjayakan program yang telah dirancangan ini.

Tanggungjawab menyediakan bekalan air bersih yang menjadi antara perkara asas dalam kehidupan, terletak di bahu kerajaan. Dalam kerangka undang-undang Malaysia, pengurusan bekalan air bersih kepada rakyat di bawah senarai bersama antara kerajaan persekutuan dengan negeri. (Abdullah Jalil and Asharaf Mohd. Ramli, 2008).

Kerajaan persekutuan mengawal selia industri ini dari segi pelesenan dan operator perkhidmatan, manakala kerajaan negeri menguruskan sumber air, kawasan tadahan air serta lembangan sungai. Sejak merdeka, pengurusan air banyak mengalami perubahan dan kemajuan. Kerajaan berjaya membekalkan air bersih kepada majoriti penduduk. Kini, ramai orang muda tidak kenal perigi atau telaga. Namun, tidak semua rakyat hidup dengan kemudahan asas itu. Masih ada sebahagian rakyat terutama di luar bandar di Kedah, Kelantan dan Pahang menggunakan sumber air asli seperti perigi dan sungai. Bekalan air bersih masih tidak dapat disalurkan kepada penduduk terbabit kerana kos tinggi. Penyambungan paip ke kawasan pedalaman yang kecil bilangan penduduknya menyebabkan projek dilihat tidak kos efisien (BH Online, 2020).

Menyedari keperluan penting ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada 17 Disember 2020 telah melancarkan Tabung Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air Malaysia atau Wakaf Air sebagai salah satu inisiatif sumber pembiayaan alternatif projek perkhidmatan air melalui instrumen wakaf, dan telah menerima hampir 50 permohonan untuk melaksanakan projek wakaf air dan bekalan air bersih yang melibatkan seluruh pemohonan meliputi wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. (BH Online, 2020).

Dan pada tarikh tersebut juga Tabung Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air Malaysia itu sudah menerima sumbangan lebih RM7 juta daripada orang awam serta beberapa pihak termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Dan pada 8 Mac 2021 sebanyak RM2.4 juta berjaya dikutip Tabung Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air (Wakaf Air) hasil sumbangan orang awam dan badan korporat sejak dilancarkan pada 17 Disember 2020.

Menurut Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang hadir pada program tersebut, Program Wakaf Air akan menumpukan kepada pembiayaan projek perkhidmatan air yang merangkumi sumber air, bekalan air dan pembentungan dalam skala kecil dengan kos projek bernilai di bawah RM50,000. Dan menurutnya lafi Wakaf Air adalah instrumen pembiayaan alternatif dan pelengkap kepada usaha kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan air yang lebih baik kepada rakyat.

Program Wakaf Telaga Air Di Malaysia

Terdapat beberapa projek wakaf telaga air yang telah di bangunkan menerusi Yayasan Waqah Malaysia. Projek pertama wakaf air di jalankan di negeri Johor yang membabitkan 16 penerima di kawasan Kampung Melayu Seelong, Kulai dengan kos berjumlah RM34,776.00. (BH Online,2021) Projek ini telah di pantau dan di rasmikan sendiri oleh Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.

Perlaksanaan projek wakaf telaga air ini turut membabitkan penyambungan sistem retikusi dari Taman Impian Jaya Seelong dan ditakung dalam tangki sedutan berkapasiti 500 gelen sebelum dipam ke tangki pengimbang, seterusnya disalurkan ke rumah penduduk kampung.

Perlaksanaan projek wakaf air di Kampung Melayu Seelong ini telah bermula pada 11 Februari 2021 dan telah siap sepenuhnya pada 4 Mac 2021 dan majlis serahan di jalankan pada 8 Mac 2021. Sebelum perlaksanaan program wakaf teaga air ini, penduduk kampung yang membabitkan 16 buah rumah bergantung kepada sumber air tidak terawat iaitu air telaga, anak sungai dan tadahan air.

Sepanjang Mac dan April tahun 2021, pihak KASA bersama dengan YWA sudah menyerahkan empat projek perintis Wakaf Air kepada penerima di dari kampung terpilih di negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Antara kampung-kampung yang telah di serahkan sepenuhnya penggunaan wakaf telaga air ini ialah:

- a) Kampung Sungai Sendat, Ulu Yam, Selangor Dengan Kos Pembangunan RM42,650.00
- b) b) Kampung Masjid Ehsaniah, Padang Serai, Beruas, Perak Dengan Kos Pembangunan RM3,910.00
- c) Kampung Batu Balak, Kampung Tanah Pindah, Kampung Belukar dan di Jalan Tamalian dan Jalan Jengkuar, Felda Sungai Retang dengan kos RM248,175

Terdapat beberapa cadangan untuk meluaskan program pembinaan wakaf telaga air ini yang melibatkan lima projek perintis Wakaf Air di empat negeri membabitkan kos keseluruhan RM180,500 di beberapa lokasi sekitar Selangor, Perak, Pahang dan Johor supaya manafaat keatas penggunaan air bersih melalui dana wakaf dapat di gunakan sepenuhnya untuk kebaikan masyarakat di Malaysia.(BH Online,2021).

Pada tahun 2022 sebanyak RM2 juta diperuntukkan dari dana Tabung Wakaf Air bagi menyelesaikan masalah air seluruh negara pada tahun ini. Menurut Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, RM1 juta sudah dibelanjakan bagi menyediakan 32

wakaf air seluruh negara. Daripada 32 projek yang dirancangkan itu , sebanyak 20 telaga tiub telah mula beroperasi dan 12 lagi sudah diserahkan kepada jawatankuasa dan wakil penduduk. Di Kawasan Jerantut, sebanyak lima projek Wakaf Air telah disiapkan iaitu di Kampung Batu Balak, Kampung Tanah Pindah, Kampung Belukar dan di Jalan Tamalian dan Jalan Jengkuar, Felda Sungai Retang yang telah menelan kos RM248,175 itu akan memberikan manfaat kepada 139 keluarga dari kawasan terlibat melibatkan seramai 615 penduduk. (Utusan Online 2022) Jadual di bawah merupakan data projek wakaf telaga yang telah siap dilaksanakan (Yayasan wakaf Malaysia):

Jadual 1: Jumlah Kos Dan Status Pelaksanaan Wakaf Telaga Air Di Malaysia Dari Tahun 2020 Hingga 2022

BIL.	PERLAKSANAAN WAKAF TELAGA AIR DI MALAYSIA	STATUS TERKINI	KOS
1	Kampung Melayu Seelong, Kulai	Siap (Mac 2021)	RM34,776.00
2	Kg. Sungai Sendat, Ulu Yam, Selangor	Siap (April 2021)	RM42,650.00
3	Kg. Masjid Ehsaniah, Padang Serai, Beruas, Perak	Siap (April 2021)	RM3,910.00
4	Kampung Batu Balak, Kampung Tanah Pindah, Kampung Belukar dan di Jalan Tamalian dan Jalan Jengkuar, Felda Sungai Retang Jerantut, Pahang	Siap (Januari 2022)	RM248,175.00
5	Kampung-Kampung dan Dun Bayu Baling Kedah	Siap (Januari 2022)	RM27,940.00
6	Kg Permatang Sungkai, Pematang Rambai Tanah Puteh, Kg Berangan, Dabong, Dan Jajahan Kuala Krai Kelantan	Siap (Januari 2022)	RM87,090.00
7	Kampung Sungai Congkak, Kg. Orang Asli Donglai Baru, Kg Paya Lebar, Hulu Langat, Selangor	Siap (Januari 2022)	RM60,003.98
8	Kg. Senduk Ulu, Kg Senduk Tengah Changkat Jering, Kg. Masjid Ehsaniah Padang Serai, Beruas, Perak	Siap (Tidak Dinyatakan)	RM52,910.00
9	Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud Kg. Sg. Mahang Nilai, Negeri Sembilan	Siap (Tidak Nyatakan)	Di RM10,000.00
10	Kg. Padang Durian Pendang Kedah	Siap (Januari 2022)	RM45,350.00



Gambarajah 1: Jumlah Agihan Wakaf Air Yang Telah Dijalankan Oleh Yayasan Waqaf Malaysia Dari Tahun 2020 Sehingga 30 Januari 2022.

Impak Pelaksanaan Wakaf Telaga Air Di Malaysia

Terdapat beberapa impak positif dan manfaat keatas pelaksanaan projek wakaf telaga air di Malaysia. Antara impak yang terdapat keatas pelaksanaan projek ini adalah:

a) Wakaf telaga merupakan salah satu medium mendapatkan pahala berterusan.

Terdapat banyak hadis yang menceritakan tentang kelebihan berwakaf dan menginfakkan harta kejalan Allah. Antaranya adalah hadis daripada Abu Hurairah r.a., baginda telah bersabda: Maksudnya:

“Sesungguhnya yang didapati oleh orang yang beriman dari amalan dan kebaikan yang dia lakukan setelah dia mati adalah: Ilmu yang diajar dan disebar, Anak soleh yang ditinggalkan, Mushaf al-Quran yang diwariskan, Masjid yang dibina, Rumah yang dibina untuk penginapan orang yang sedang dalam perjalanan, Sungai yang dialirkan untuk kepentingan orang ramai dan, Sedekah yang dikeluarkan dari harta ketika sihat dan hidup”

(Riwayat Ibn Majah, Hadis ke 242)

Berdasarkan hadis ini, sungai yang dialirkan juga bermaksud menggali perigi untuk kegunaan ramai. Hadis ini menjelaskan betapa besarnya fadhilat wakaf perigi air sebagai amal jariyah selepas mati. Hal ini kerana harta wakaf yang dilakukan itu akan di dimanfaatkan oleh masyarakat sekitarnya dan akan sentiasa mengalirkan pahala berterusan kepada pemberi wakaf selagi mana harta yang ditinggalkan itu sentiasa digunakan oleh orang awam. (Nik Mustapha Nik Hasan. 1999)

b) Wakaf telaga sebagai medium dakwah dalam Islam.

Air merupakan keperluan asasi manusia. Menerusi wakaf telaga ini manusia dapat menggunakan air bersih dalam kehidupan harian. Melalui pelaksanaan wakaf telaga air ini, mampu menjadikannya sebagai salah satu medium dakwah di mana konsep Islam yang menjaga keperluan hakiki dan asasi manusia menerusi pembinaan harta wakaf. (Mohd. Daud

Bakar,1999) Melalui pembinaan wakaf telaga air ini mampu mencerminkan pandangan positif berkaitan agama Islam yang menjaga kebajikan masyarakat melalui perkongsian harta dalam membina harta dan asset kekal untuk kegunaan masyarakat seperti wakaf telaga air. Selain itu juga dakwah kepada golongan bukan Islam juga mampu dijalankan melalui penggunaan air secara bersama dari telaga wakaf ini bagi mencerminkan agama Islam ini sebagai agama yang adil dan layanan sama rata keatas semua manusia. (Ahmad Zaki Hj Abd Latiff, etc (2006)

c) Wakaf telaga air menjamin penggunaan air yang bersih.

Melalui projek wakaf telaga ini, masyarakat sekitarnya mampu mendapatkan perkhidmatan dan penggunaan air bersih dalam kehidupan mereka. Jika dahulunya sumber air adalah dari sungai, takungan hujan atau tasik, kini melalui projek wakaf telaga ini mampu memberi kualiti air yang baik kepada penggunaanya. (Mohd Rozi Umor,2020) Kualiti air tanah juga dikatakan lebih bersih berbanding air permukaan kerana ditapis lapisan tanah, pasir dan batu, sebelum terkumpul di dalam bumi. Air bawah tanah juga memiliki kualiti setaraf air mineral yang dibotolkan, kaya dengan galian seperti kalsium, natrium, klorida, kalium, sulfat, magnesium dan bikarbonat. Malahan di sesetengah tempat air bawah tanah ini boleh diminum begitu saja tanpa perlu memprosesnya. (Musa, S.,etc (2010).

Kesimpulan

Wakaf ialah instrumen yang berperanan menggabungkan elemen rohaniah dan kebendaan serta dapat berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan ummah. Semangat wakaf yang mengalir dalam jiwa para anbiya, sahabat, ulama, dan umat Islam terdahulu wajib dijadikan ikutan dan panduan. Wakaf dilihat juga sebagai salah satu instrumen yang terbaik baik memenuhi keperluan dalam kehidupan masyarakat melalui pengumpulan dana wakaf bagi membina projek-projek yang di perlukan. Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini pembinaan telaga dapat menjaga alam sekitar dan mampu menyediakan bekalan air yang baik kepada penggunaanya. Melalui pembinaan wakaf telaga air ini juga di lihat dapat membantu kerajaan dalam membendung masalah bekalan air bersih kepada penduduk di Malaysia.

Rujukan

- Abdullah Jalil and Asharaf Mohd. Ramli. (2008). *Waqf Instruments for Construction `Contract: An Analysis of Structure*. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR) 5: 14.
- Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman. 2006. "Pembangunan Harta Wakaf : Pengalaman Negara-Negara Islam" (Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)
- Ahmad Zaki Hj Abd Latiff, Che Zuina Ismail & Norzaidi Mohd Daud (2006), "Pengurusan Harta Wakaf Dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam Di Malaysia" (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).
- Asmak Ab Rahman. 2009. *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam & Aplikasinya di Malaysia*. Jurnal Syariah. Jilid 17. Bil. 1.
- Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil, (2013). *Funding Higher Education In Malaysia: Corporate Waqf Model, Waqf Workshop: Contemporary Role of Higher Education*, Alor Star: Al-Bukhari International University
- BH Online Disember 15, 2020, *Merealisasikan projek wakaf air*, laman web rasmi berita harianonline. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/12/765184/merealisasikan-projek-wakaf-air>

- BH Online (18 Julai 2019), *Pensyarah, Pelajar Uitm Bina Perigi Di Kemboja Bekal Air Bersih*, <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2019/07/586372/pensyarah-pelajar-uitm-bina-perigi-di-kemboja-bekal-air-bersih>
- BH Online (17 Dis 2020) *Wakaf Air bantu sedia bekalan air alternatif di kawasan pedalaman*, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/765917/wakaf-air-bantu-sedia-bekalan-air-alternatif-di-kawasan-pedalaman>
- BH Online (8 Mac 2021), *Wakaf Air: RM2.4 juta berjaya dikutip*, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/794022/wakaf-air-rm24-juta-berjaya-dikutip>
- BH Online (3 Februari 2021) *Inisiatif Wakaf Air Bukan Ganti Peranan Kerajaan*, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/782555/bhplus>
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria dan Mohd Zamro Muda (2017), *Literatur Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia*, ISLAMIYYAT 39(1) 2017: 39 – 46
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. Athens: The Jossey-Bass
- Mohd. Daud Bakar. 1999. *Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam. Dalam Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Rozi Umor, 2020. *Air Bawah Tanah Boleh Jadi Sumber Bekalan Alternatif*. www.bh.com.my. 23 Oktober 2020.
- Musa, S., Zakaria, N. A., Lai, S. H. (2010). *Pengekstrakan Air Bawah Tanah Sumber Bekalan Setempat. Persidangan Kebangsaan Hidrologi Alum Sekitar*. Batu Pahat, Malaysia: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 8 (1): 1 -8.
- Nik Mustapha Nik Hasan. 1999. *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Norul Huda Bakar Dan Noor Syahida Abd. Rahman (2021), *Wakaf Telaga Sebagai Sumber Air Alternatif: Suatu Tinjauan*, International Conference On Syariah & Law 2021(Iconsyal 2021)-Online Conference 6 Th April 2021 Hlm. 693.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative research and evaluation methods*. 3rd edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Rasyidah Md. Khalid, etc. (2021) *Air dan Isu Perundangan di Malaysia*, ISLAMIYYAT 43 (Isu Khas) 2021: 165 – 172
- Rujuk Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia, <https://www.ywm.gov.my/wakaf-air>
- Siti Mashitoh Mahamod. 2007. *Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia*. Jurnal Syariah. Jil. 15. Bil. 2.
- Utusan Online, Norhafizan Zulkifli, 16 Januari 2022, 8:04 pm, *RM2 juta atasi masalah air seluruh negara*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/rm2-juta-atasi-masalah-air-seluruh-negara/>